

14 DEC 1998

Asean-Hun Sen/I

HUN SEN MASIH MENARUH HARAPAN UNTUK SERTAI ASEAN

Oleh: E. Sivabalan

HANOI, 14 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Kemboja, Hun Sen yang mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya dari Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, hari ini berkata, beliau masih menaruh harapan yang Kemboja akan diterima sebagai anggota Asean dalam sidang kemuncak keenam perkumpulan serantau itu di sini.

"Saya masih menaruh harapan," kata beliau kepada pemberita selepas perbincangan dengan Dr Mahathir yang tiba di sini, awal hari ini untuk sidang kemuncak Asean yang bermula esok.

Hun Sen yang berada dalam rangka lawatan dua hari ke Vietnam, sibuk dengan perbincangan dua hala bersama pemimpin-pemimpin Asean dan ia dilihat sebagai usaha di saat-saat akhir untuk memastikan Kemboja menganggotai Asean.

Selepas tiba di sini, Dr Mahathir memberitahu pemberita bahawa Asean berharap untuk menerima Kemboja sebagai anggota perkumpulan serantau itu di sidang kemuncak kali ini.

Sementara itu, Singapura mengulangi pendiriannya supaya kemasukan Phnom Penh dalam Asean ditunda.

"Kita akan membincangkannya lanjut tetapi tiada perubahan dalam pendirian kita," kata Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong kepada pemberita semasa tiba di sini untuk menghadiri sidang kemuncak itu.

Goh berkata, "tiada perubahan" dalam pendirian Singapura terhadap perkara itu seperti yang telah dinyatakan pada awalnya oleh Menteri Luar S.Jayakumar semasa mesyuarat Menteri-menteri Luar Asean, Sabtu lepas.

Asean terdiri daripada Brunei, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Vietnam menjadi tuan rumah sidang kemuncak itu buat pertama kali sejak menyertai Asean pada 1995.

-- BERNAMA

ES RN PR